

*mercadotile*

# **ATURAN-ATURAN BAGI MENJALANKAN AKTIVITI INSURAN**

**KOPERASI JIMAT CERMAT DAN PINJAMAN MERCANTILE BHD**  
**ATURAN-ATURAN BAGI MENJALANKAN AKTIVITI INSURAN**

**1. TAJUK**

- 1.1 Aturan-Aturan ini adalah dinamakan “Aturan-Aturan Bagi Menjalankan Aktiviti Insurans”.
- 1.2 Aturan-Aturan ini diujudkan di bawah Undang-undang Kecil 8(3) dan dikuatkuasakan selepas diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan.

**2. TUJUAN**

Tujuan Aturan-Aturan diwujudkan ialah untuk:-

- 2.1 Membolehkan semua anggota mendapatkan khidmat insuran melalui skim ini.
- 2.2 Mengawal dan menjalankan skim insuran ini dengan sempurna.
- 2.3 Mendapatkan wang untuk mengesah dan menjalankan skim insuran ini.

**3. TAFSIRAN**

Di dalam Aturan-Aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:-

“Akta” maknanya Akta Koperasi 1993 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

“anggota” ertinya seseorang yang telah diterima menjadi anggota Koperasi ini dan yang telah memenuhi kehendak Undang-undang Kecil 15 (1);

“Aturan” ertinya sesuatu peruntukan dalam Aturan-Aturan;

“Aturan-Aturan” ertinya “Aturan-Aturan Bagi Menjalankan Aktiviti Insurans Koperasi Jimat Cermat dan Pinjaman Mercantile Berhad” ini dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

“Koperasi” atau “Koperasi ini” ertinya Koperasi Jimat Cermat dan Pinjaman Mercantile Berhad;

“Lembaga” ertinya badan pengelola Koperasi ini yang padanya pengurusan hal-ehwal Koperasi ini diamanahkan sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta, dan dibentuk menurut Undang-undang Kecil 35(1) serta tertakluk kepada Undang-Undang Kecil 33 dan 37.

“mesyuarat agung perwakilan” ertinya mesyuarat agung perwakilan tahunan atau mesyuarat agung perwakilan khas Koperasi ini seperti diperuntukan dalam Undang-undang Kecil 24;

“Undang-undang Kecil” ertinya Undang-undang Kecil Koperasi ini dan termasuklah sebarang pindaan berdaftar kepadanya;

Perkataan-perkataan yang bererti tunggal atau jamak, masing-masing hendaklah meliputi tunggal atau jamak, dan perkataan yang bererti jenis lelaki hendaklah meliputi jenis perempuan.

#### **4. KELAYAKAN**

Semua anggota adalah layak mendapat khidmat melalui skim ini.

#### **5. JENIS PERKHIDMATAN**

Jenis perlindungan Insuran yang ditawarkan adalah Insuran Am (termasuk Insuran Kereta Motor, Kebakaran, Perlindungan Pekerja dan lain-lain).

Memberikan diskauan khas kepada anggota yang menyertai skim ini pada kadar yang dipersetujui oleh Lembaga.

#### **6. PENGENDALIAN**

Lembaga hendaklah melantik kakitangan bagi menguruskan aktiviti ini. Kakitangan hendaklah bertanggungjawab kapada Lembaga bagi:

- 6.1 Memeriksa bil-bil dan lain-lain dokumen serta mengesahkan keselamatan barang-barang itu.
- 6.2 Mencadangkan projek atau lain-lain rancangan bersabit dengan insuran dan menguatkuasakannya setelah dipersetujui oleh Lembaga.
- 6.3 Menentukan semua buku-buku akaun, daftar-daftar, Nota Perlindungan Insuran (Cover Note) diselenggara dan kemaskini setiap waktu.
- 6.4 Menjalankan lain-lain tugas seperti yang diarahkan oleh Lembaga.

*Pindaan  
MAPT250606*

#### **7. PENGENDALIAN**

Mesyuarat agung perwakilan boleh, dari masa ke semasa, atas perakuan Lembaga atau cadangan bertulis perwakilan yang telah terlebih dahulu dimasukkan dalam agendanya untuk meminda Aturan-Aturan ini.